

Jenama Penyelesaian Bawaan Premium, DICOTA, Perkenalkan Identiti Korporat Baru Mulakan Usaha Memberi Penampilan Segar Kepada Portfolio Produknya

STOCKHOLM, -- Jenama penyelesaian bawaan yang terkemuka, DICOTA, member nafas baru kepada identiti korporat dan rangkaian produknya dengan perluasan koleksinya untuk memenuhi permintaan segmen pelanggan tunasnya.

Merupakan sebahagian daripada OSM Group, DICOTA mereka bentuk penyelesaian bawaan berkualiti bagi industry multimedia. DICOTA membangunkan nama diyakininya itu dengan produk berkualiti dan berfungsi khususnya untuk para pelanggan perniagaan dan korporatnya. DICOTA kini membangunkan tawarannya bagi pangkalan pelanggan sedia ada dan tiga segmen diterajui pengguna yang baru.

"Di tengah-tengah identiti baru kami ialah pengiktirafan individu beremosi dengan kandungan yang disimpan dalam peranti multimedia mereka - e-mel, dokumen, muzik, filem dan gambar: semua elemen penting dalam kehidupan manusia - di DICOTA kami membangunkan penyelesaian bawaan yang "melindungi dunia anda dan semestinya perkakasan anda," kata Phil Mulholland, Ketua Pegawai Pemasaran di OSM Group.

DICOTA telah membangunkan lima siri baru - Me, Studio, Essence, Prime and One – setiap satu adalah khusus untuk kumpulan pelanggan yang dikenali. Ini adalah antara rangkaian produk baru yang dijadualkan untuk dilaksanakan pada tahun depan.

Empat daripada lima siri baru itu akan diperkenalkan buat pertama kalinya di CeBIT, dengan siri Studio bersedia untuk dikeluarkan pada separuh kedua tahun itu. Siri Prime dan Essence membina warisan kukuh pada jenama DICOTA, manakala Me, One dan Studio merangkumi teras jenama DICOTA, yang memberikan penyelesaian bawaan yang menangani peningkatan populariti netbook, tablet dan ebook – dilihat khususnya dalam 12 bulan lepas – serta telefon pintar, kamera dan pemain MP3.

Dalam tawaran yang unik untuk menyokong pelanggan dalam melindungi data peribadi dan profesional, DICOTA telah bergabung dengan pakar simpanan digital dalam talian, Memopal dengan kempen "Lindungi Dunia Anda". Di bawah tawaran itu, para pelanggan mempunyai akses kepada 150GB khidmat muat turun sokongan percuma bagi tempoh percubaan 60 hari, dan diskaun 20 peratus pada yuran tahunan sebanyak bagi tahun pertama. Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai tawaran ini, sila hubungi DICOTA atau Memopal.

Pemberian nafas baru rangkaian produk DICOTA akan dipamerkan di pameran CeBIT yang akan berlangsung antara 2 and 6 Mac di Hanover, Germany. OSM and DICOTA akan membuat pameran di Dewan 15, Tempat F16, Penjual Semula Planet, di bawah tema kempen bertema "Bag to the Future". CeBIT merupakan pameran perdagangan yang terbesar di dunia yang menampilkan penyelesaian IT dan telekomunikasi digital untuk persekitaran kediaman dan tempat kerja.

Maklumat Mengenai DICOTA



Press release

DICOTA membangun, mengeluarkan dan mengedar beg noteboo berkualiti tinggi, penyelesaian mengikut tempahan dan aksesori perkomputeran mudah alih. Dengan mempunyai sembilan anak syarikat negara bebas dan lebih 80 rakan, DICOTA mempunyai kewujudan global yang kukuh. Dapatkan maklumat lebih lanjut mengenai DICOTA dan rangkaian baru produk inovatif dan bergaya di laman web di alamat <http://www.dicota.com>. Anda boleh mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pameran CeBIT di laman web di alamat <http://www.cebit.de>

Maklumat Mengenai OSM Group

OSM Group mengkhususkan reka bentuk, pengeluaran dan pengedaran aksesori mudah alih mengikut tempahan, penyelesaian paparan runcit dan produk premium untuk jenama-jenama yang terkemuka dalam industri multimedia. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut mengenai OSM Group, sila layari laman web kami di alamat <http://www.osmglobal.com>